

# Bab II

## **BAB II**

### **Hermeneutik Dan Kedudukannya Sebagai Teori Tafsir**

#### **2.1.Pendahuluan**

Dalam bab yang kedua, tumpuan kajian adalah kepada dua aspek penting iaitu mengenai teori hermeneutik dan kedudukannya sebagai teori tafsir. Dalam bab ini, kajian akan dimulakan dengan pengenalan terhadap hermeneutik serta makna dan ruang lingkungannya. Kemudian diteruskan dengan penjelasan mengenai sejarah hermeneutik menurut perspektif sarjana barat dan Muslim.

Pembahasan berikutnya ialah mengenai kedudukan teori hermeneutik sebagai teori tafsir, iaitu menjelaskan tiga aspek penting berkenaan masalah tersebut. Pertama, kedudukan hermeneutik sebagai teori pentafsiran kitab suci. Kedua, hermeneutik sebagai ilmu untuk memahami bahasa dan yang ketiga, menerangkan mengenai kedudukan hermeneutik untuk merumuskan pentafsiran teks. Ketiga-ketiga bahagian tersebut mempunyai kaitan dengan tugas pentafsiran yang meliputi tiga unsur iaitu: bahasa, teks dan sejarah. Ketiga-tiga unsur tersebut selaras dengan cara kerja teori hermeneutik iaitu untuk mentafsirkan sebuah teks yang hadir di masa dahulu, kemudian difahami pada masa sekarang. Maka unsur terpenting dari kedudukan teori hermeneutik adalah merumuskan pentafsiran teks.

## 2.2.Pengenalan Hermeneutik

Hermeneutik adalah kata yang sering dibincangkan dalam kajian ilmu teologi, falsafah dan kesusasteraan, sebagai salah satu disiplin ilmu mengenai pemahaman dan pentafsiran teks<sup>1</sup>. Dalam kamus-kamus berbahasa Melayu<sup>2</sup>, penulis belum menemukan makna hermeneutik. Begitu juga dalam ensiklopedia berbahasa Melayu yang biasa mengulas ilmu dan khazanah Melayu. Hanya dalam salah satu ensiklopedia berbahasa Melayu ada menyebutkan kata Hermes<sup>3</sup>, yang masih memiliki kaitan dengan hermeneutik<sup>4</sup>.

Istilah hermeneutik banyak berkembang di dunia Barat<sup>5</sup> iaitu sebagai ilmu dan falsafah yang menyelidiki syarat-syarat dan metodologi yang diperlukan untuk memahami makna atau pentafsiran teks. Ianya mulai berkembang pada abad ke-17, sebagai aktiviti pentafsiran kitab suci yang terdiri dari dua aspek<sup>6</sup> iaitu aspek teori dan praktikal. Aspek praktikal biasa disamakan dengan usaha memahami kitab suci seperti mana yang dilakukan oleh para ulama dalam memahami al-Quran. Manakala aspek teori pula digunakan untuk menunjukkan tujuan, kriteria dan metode praktikal tersebut<sup>7</sup>.

---

<sup>1</sup> Komaruddin Hidayat (2006), *Upaya Memahami Pesan Tuhan*, Yogyakarta: UII Press, h.h. 5 – 9.

<sup>2</sup> Seperti dalam Kamus Dewan (2002), edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kamus Lengkap Bahasa Indonesia. (2005), Surabaya: Mitra Pelajar, Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003), c.1. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei, Kamus Pelajar Dwibahasa Delta (1988), c.1. Selangor: Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd. dan Kamus Dwibahasa Inggeris-Malaysia (1979), c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>3</sup> Hermes, menurut kepercayaan orang-orang Yunani, merupakan utusan Tuhan yang menjadi perantara antara Tuhan dan manusia. Dalam agama Islam nama Hermes dikenali dengan Nabi Idris a.s. iaitu orang yang pertama kali mengenal tulisan, teknik dan kedokteran. Di kalangan Yahudi Hermes di kenal sebagai *Unukh* dan di kalangan masyarakat Parsi di kenali sebagai Hushang. Dalam mitologi Mesir Hermes di kenal dengan Nabi Musa a.s. Lihat: Hasan Syadily (1998), *Ensiklopedia Indonesia*, Jakarta: Ichtiar Baru, J. 3. h. 1290. dan Sayyed Hossein Nasr (1967), *Islamic Studies: Essay on Law and Society*, Beirut: Librerie Du Liban, h. 64.

<sup>4</sup> Hasan Syadily (1998), *op.cit.*, h. 1289

<sup>5</sup> Jame M. Robinson (1964), *The New Hermeneutic*, New York, h. 1 - 3. Lihat juga: Mamat S. Burhanuddin (2006), *Hermeneutika al-Qur'an ala Pesantren; Analisis Terhadap Tafsir Marāḥ Labīd Karya K.H. Nawawi Banten*, Yogyakarta: UII Press, h. 2.

<sup>6</sup> Ricard E. Palmer (1969), *Hermeneutics Interpretation Theory in Schleirmacher, Dilthey, Heidegger, and Gadamer*. Evanston: Northwestern University Press, h. 40.

<sup>7</sup> *Ibid.*, h.h. 2 – 5 .

Kedua-dua aspek di atas dalam khazanah Islam dikenali dengan disiplin ilmu tafsir dan takwil<sup>8</sup>. Namun para ulama membezakan di antara keduanya. Tafsir di gunakan untuk mengungkap makna teks ayat dalam batasan kaedah bahasa dengan menggunakan rujukan pentafsiran daripada Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat baginda secara teliti, sedangkan takwil berupaya untuk melakukan pencarian makna yang lebih luas, selagi ia tidak keluar dari batasan kaedah bahasa<sup>9</sup>.

Dalam kitab-kitab tafsir yang hadir di dunia intelektual Islam, banyak yang sifatnya berulang-ulang dan kembali kepada pentafsiran masa lampau. Hal ini yang membawa kepada kejumudan dalam masyarakat<sup>10</sup>. Permasalahan tersebut menggambarkan adanya kelemahan dalam kajian keislaman, maka dari itu banyak pemikir-pemikir Islam yang mencarikan jalan penyelesaian, hal ini yang menyebabkan mereka menggunakan teori hermeneutik untuk menjadi alternatif<sup>11</sup>. Ia bertujuan menempatkan kapasiti manusia sebagai pembaca al-Quran yang ideal, juga turut memperkaya terhadap kajian tafsir dalam khazanah Islam<sup>12</sup>.

---

<sup>8</sup> Ilmu tafsir dan hermeneutik bukanlah dua metodologi yang sama, kerana keduanya berasal dari latar belakang yang berbeza. Ilmu tafsir berasal dari latar belakang kajian keislaman. Meskipun begitu keduanya disatukan oleh objek yang sama iaitu teks atau wahyu. Untuk ilmu tafsir, berupa teks kitab suci al-Quran termasuk juga *al-Ḥadīth Nabawī*. Sedangkan hermeneutik berkaitan dengan teks apa sahaja, kerana itu tidaklah hairan kalau ada penyebutan lain dari ilmu tafsir dalam kajian Islam dengan sebutan Hermeneutik al-Quran. Lihat: Yunahar Ilyas (2003), *Hermeneutika dan studi tentang tafsir klasik: sebuah pemetaan teoritik*, *Jurnal Tarjih* edisi ke-enam Julai 2003, Yogyakarta: Majlis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam LPPI UMY, h. 42.

<sup>9</sup> Muḥammad Ḥusain al-Dhahabi (2005), *al-Tafsir wa al-Mufasirun*, Beirut: Dār al-Yusuf, h.h. 19 – 22. Lihat juga: Alī bin Muḥammad bin Alī al-Jurjānī (1405.H), *Al-Ta'rifāt*. Ibrahim al-'Anbārī (ed.), Beirut: Dār al-Kitāb al-Arabī, h. 72.

<sup>10</sup> Abū Zaki Ismāil (2003), *Pentafsiran Semula al-Quran Suatu Penilaian*, *Al-Bayān Jurnal al-Qur'ān dan al-Ḥadīth* Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Bil.1. Mei 2003 / Rabiulawal 1424. h.h. 137 - 150

<sup>11</sup> Naṣr Ḥāmid Abū Zayd (2004), *Isykaliyāt al-Qirā'ah wa Aliyyāt at-Ta'wīl*. Muḥamad Mansur dan Khoiran Nahdliyin (terj.) *Hermeneutika Inklusif Mengatasi Problematika Bacaan dan cara-cara pentakwilan atas Diskursus Keagamaan*. Yogyakarta: PT LKiS Pelangi Angkasa, h.h. 5 – 9.

<sup>12</sup> Komaruddin Hidayat (1996), *Memahami Bahasa Agama; Sebuah Kajian Hermeneutik*, Jakarta: Paramadina, h. 136.

Oleh sebab itu, untuk mengenal lebih jelas terhadap hermeneutik, pembahasan seterusnya ialah berkenaan dengan makna, sejarah dan kedudukan hermeneutik sebagai teori tafsir.

### 2.2.1. Pemaknaan Hermeneutik

#### (a) Menurut Bahasa

Secara bahasa hermeneutik adalah kata yang diambil dari istilah Yunani *Hermeneuein* berasal dari bahasa Greek<sup>13</sup> *Hermeneutikos*<sup>14</sup>, yang mengandungi tiga dasar makna, pertama mengungkapkan, kedua menjelaskan dan ketiga menterjemahkan<sup>15</sup>. Dari ketiga-tiga makna tersebut dapat diistilahkan dengan interpretasi iaitu<sup>16</sup>: pengucapan lisan, penjelasan yang dapat diterima oleh akal dan penyalinan dari satu bahasa kepada bahasa lain<sup>17</sup>.

Dalam bahasa Inggeris, hermeneutik dikenali dengan *hermeneutic* atau *to Interpret*, iaitu menginterpretasikan, mentafsirkan dan menterjemahkan. Dalam bahasa Arab erti yang sepadan dengan hermeneutik adalah *Tafsīr*, *Ta'wīl*, *Syarḥ* dan *Bayān*<sup>18</sup>.

---

<sup>13</sup> Bahasa Greek adalah bahasa Yunani. Ia dituturkan oleh 15 juta orang di Yunani. Greek telah ditulis dalam huruf Greek, huruf yang pertama sejak abad ke-9 sebelum Masihi. Lihat laman web: [http://ms.wikipedia.org/wiki/Bahasa\\_Greek](http://ms.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Greek), Pada 1 November 2007.

<sup>14</sup> Richard E. Palmer (1969), *op.cit.*, h. 14. Lihat juga: Dr. Mamat S. Burhanuddin, (2006), *op.cit.*, h. 57. dan E. Sumaryono (1999), *Hermeneutika sebuah Metode Filsafat*, Yogyakarta: Kanisus. h. 23. dan Fakhruddin Faiz (2003), *Hermeneutika Qur'ani*, cet.3. Yogyakarta: Penerbit Qalam. h. 20. dan Ugi Suharto (2003), Apakah al-Qur'an memerlukan Hermeneutik, *Jurnal Usuluddin* Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Bil. 17, Julai 2003, h.h. 123 – 136.

<sup>15</sup> Mamat S. Burhanuddin (2006), *op.cit.*, h. 57. Lihat juga: Noah Webster, (1979), *Webster's New Twentieth Century Dictionary*. USA: William Collins. h. 851, dan W.L. Reese (1980), *Dictionary of Philosophy and Religions – Eastern and Western Thought*, Sussex: The Harvester Prees Limited, h. 221.

<sup>16</sup> Menurut pendapat Sayyed Muhammad Naquib al-Attas, ada perbezaan antara interpretasi dengan tafsir atau takwil. Tafsir tidak boleh dianggap atau diterjemahkan sebagai hermeneutik kerana terdapat perbezaan yang jelas di antara *naṣṣ* al-Quran dengan teks-teks yang lain, sama ada teks agama ataupun teks-teks sastera. Lihat Wan Mohd Nor Wan Daud, (1998), *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An exposition of the Original Concept of Islamization*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 346.

<sup>17</sup> Mamat S. Burhanuddin (2006), *op.cit.*, h. 57.

<sup>18</sup> Muzairi (2003), *Hermeneutik Dalam Pemikiran Islam*, (Hermeneutik Mazhab Yogya) Yogyakarta: Islamika, h. 54.

Secara susunan bahasa antara kata hermeneutik (*hermeneutic*) dengan hermeneutika (*hermeneutics*) terdapat perbezaan makna, apabila *hermeneutic* adalah bentuk adjektif, yang menunjukkan kepada sifat yang terdapat dalam pentafsiran, sedangkan *hermeneutics* adalah kata *noun* (benda) yang mengandungi erti: ilmu pentafsiran, ilmu untuk mengetahui maksud yang terkandung dalam kata-kata dan ungkapan penulis atau pentafsiran khusus terhadap kitab suci<sup>19</sup>.

James M. Robinson menjelaskan dalam bukunya yang bertajuk *The New Hermeneutic* tidak ada justifikasi penambahan huruf (a) dalam kata hermeneutika atau huruf (s) *hermeneutics* kerana *hermeneutics* adalah bentuk tunggal. Dalam bahasa moden lain, seperti dalam ejaan bahasa Jerman adalah (*hermeneutik*) dalam ejaan bahasa Perancis adalah (*hermeneutique*) dan begitu juga dalam ejaan bahasa Latin iaitu (*hermeneutica*). Dari ulasan di atas dapat difahami bahawa penambahan huruf (a) atau (s) dalam hermeneutika atau huruf (s) *hermeneutics* adalah suatu arah baru bagi teori *hermeneutis* yang dapat disebut dengan Hermeneutik Baru<sup>20</sup>.

Boleh jadi asal kata hermeneutik adalah dari kata *hermeneuein* dan *hermeneia*, yang dihubungkan dengan tokoh mitologi Yunani bernama Hermes<sup>21</sup>. Oleh itu adalah dijangkakan terdapat hubung kait dalam pemberian makna secara bahasa terhadap hermeneutik dengan Hermes yang disimpulkan melalui tiga unsur iaitu<sup>22</sup>:

1. Tanda, pesan atau teks yang menjadi sumber bahan pentafsiran dan hal tersebut di hubungkaitkan dengan pesan yang dibawakan oleh Hermes.
2. Perantara dan pentafsir di sini adalah Hermes.

---

<sup>19</sup> Fakhruddin Faiz (2003), *Hermeneutika Qur'ani Antara Teks, Konteks dan Kontekstualitas*, Yogyakarta: Qalam, h. 20.

<sup>20</sup> Richard E. Palmer (1969), *op.cit.*, h. vi.

<sup>21</sup> Noah Webster (1979), *op.cit.*, h. 851.

<sup>22</sup> Jazim Hamdi (2005), *Hermeneutika Hukum*, Yogyakarta: UII Press, h. 21 – 22.

3. Penterjemah dari perantara iaitu (Hermes) kepada bahasa yang dapat dimengerti dan difahami oleh yang menerimanya.

Dari penjelasan tersebut dapat difahami bahawa tiga unsur utama dalam hermeneutik ialah sifat teks, alat apa yang digunakan untuk memahaminya dan bagaimana pentafsiran yang ditentukan oleh mereka yang menerimanya<sup>23</sup>.

### **(b) Menurut Istilah**

Secara istilah hermeneutik memiliki makna yang luas dan berkembang bermula dari ilmu untuk memahami bahasa dan teks, ilmu memahami kitab suci, kemudian menjadi cabang dari ilmu falsafah<sup>24</sup>. Beberapa intelektual memaknakan hermeneutik menurut sudut pandang mereka. Paul Ricoeur (1913 - 2005)<sup>25</sup> memaknakan hermeneutik dari cara kerjanya iaitu: teori tentang bekerjanya pemahaman dalam mentafsirkan teks<sup>26</sup>.

Zygmunt Bauman (1925 - )<sup>27</sup> memaknakan hermeneutik sebagai upaya untuk menjelaskan dan menelusur pesan dan pengertian dasar dari sebuah ucapan atau tulisan yang tidak jelas, remang-remang dan kontradiksi lalu menimbulkan kebingungan bagi pendengar dan pembaca<sup>28</sup>.

---

<sup>23</sup> Richard E. Palmer (1969), *op.cit.*, h. 3 - 4.

<sup>24</sup> Jame M. Robinson (1964), *op.cit.*, h.h. 1 - 3, lihat juga: Fakhruddin Faiz (2003), *op.cit.*, h. 21, dan Muzairi (2003), *op.cit.*, h. 54.

<sup>25</sup> Paul Ricoeur adalah seorang ahli falsafah dan pengarang buku ternama, beliau lahir di Valence France, pada 27 Februari 1913 M. Meninggal di Chatenay Malabry France, 20 May 2005. Di antar karyanya, *Le Conflit des interpretations: Essais D'hermeneutique*, (*The Conflict of Interpretations: Essays in Hermenutics*) di terbitkan pada tahun 1969. Lihat: Paul Ricoeur (2006), *Hermeneutics and the human sciences*. Hermeneutika Ilmu Sosial Muhamad Syukri (tej.), Yogyakarta: Kreasi Wacana, h.h. 3 - 5.

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 57.

<sup>27</sup> Zygmunt Bauman beliau adalah seorang sarjana sosiologi yang lahir di Poznań pada 19 November 1925 M. Beliau mendapat gelar Profesor sosiologi daripada Universiti Leeds pada tahun 1990. Di antara karya beliau adalah: *Hermeneutics and Social Science*. Lihat laman web wikipedia: [http://en.wikipedia.org/wiki/Zygmunt\\_Bauman#Bauman.27s\\_Postmodernity](http://en.wikipedia.org/wiki/Zygmunt_Bauman#Bauman.27s_Postmodernity). 29 Oktober 2007

<sup>28</sup> Zygmunt Bauman (1978), *Hermeneutics and social scienc*. New York: Colombia University Press, h. 5 - 7.

Carl Braathen memaknakan hermeneutik sebagai ilmu yang coba menggambarkan bagaimana sebuah kata atau satu kejadian dalam waktu dan budaya lampau dapat dimengerti dan menjadi bermakna secara eksistensi dalam situasi sekarang untuk diaplikasikan dalam pentafsiran<sup>29</sup>.

Richard E. Palmer memaknakan hermeneutik sebagai proses menelaah isi dan maksud yang menjelaskan dari sebuah teks sehingga kepada maknanya yang paling dalam<sup>30</sup>.

Menurut Van A Harvey hermeneutik<sup>31</sup> adalah suatu disiplin intelektual yang berkaitan dengan hakikat dan syarat-syarat mentafsirkan ekspresi manusia<sup>32</sup>.

Dari pemaknaan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa hermeneutik adalah teori pemahaman yang berkaitan dengan interpretasi teks yang mengandung kaedah-kaedah yang diperlukan untuk menginterpretasikan dokumen-dokumen yang tertulis dan lambang di dalam suatu kebudayaan.

Dalam perkembangannya, hermeneutik mengalami perubahan persepsi dan model pemakaiannya. Hal tersebut muncul dari pemaknaan terhadap hermeneutik, iaitu dari pengertian bahasa kepada pengertian istilah dan teologi dan kemudiannya

---

<sup>29</sup> Carl E. Braaten (1952), *New Direction in Theology*, Philadelphia: The Westminster Press, h. 132.

<sup>30</sup> Richard E. Palmer (1969), *op.cit.*, h.h. 14 – 18.

<sup>31</sup> Van A. Harvey, membezakan antara hermeneutik dengan hermetik. Hermetik adalah merupakan pandangan falsafah yang di asosiasikan pada tulisan literatur ilmiah di Yunani *Hermes Trismegistus*, yang berkembang di awal abad Masihi. Lihat: Van A. Harvey, (t.t.), *Hermeneutic*, dalam Mercea Eliade, *The Encyclopedia of Religions*, New York: Macmillan Publishing Co. Vol 3. h. 486. lihat juga: Mamat S. Burhanuddin (2006), *op.cit.*, h. 58.

<sup>32</sup> *Ibid.*

berkembang menjadi istilah falsafah<sup>33</sup>. Penjelasan berkaitan hal tersebut akan dijelaskan dalam tajuk berikutnya iaitu ruang lingkup hermeneutik.

### 2.2.2. Ruang lingkup Hermeneutik

Seperti mana dalam penjelasan berkenaan pemaknaan hermeneutik iaitu sama ada dari aspek bahasa mahupun istilah, ia dapat merumuskan berkaitan ruang lingkup hermeneutik secara esensinya, iaitu dengan melihat perkembangan makna hermeneutik dan kaitannya dengan pelbagai disiplin ilmu, khususnya ilmu pentafsiran teks.

Gambaran kronologi mengenai perkembangan makna dan ruang lingkup hermeneutik secara umum terangkum dalam tiga kelompok, iaitu: objektif, subjektif<sup>34</sup> dan kelompok pembebasan. Kelompok objektif disokong oleh Friedrich Schleiermacher (1768-1834)<sup>35</sup>, Wilhelm Dilthey (1833-1911)<sup>36</sup> dan Emilio Betti (1890-1968)<sup>37</sup>. Manakala kelompok subjektif disokong oleh para tokoh hermeneutik, di antara mereka

---

<sup>33</sup> Robert Audi (1995), *The Cambridge Dictionary of Philosophy*, Cambridge: University Press, h. 323. Lihat juga: Antony Flew (1984), *A Dictionary of Philosophy*, New York: St. Martin Press, h. 146, dan Sudarto (1996), *Metodologi penelitian Filsafat*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada. h. 85.

<sup>34</sup> Dr. Ahmad Bazli Shafie (2006), *Pendekatan Neo-Modenis Dalam Memahami al-Quran: Kaedah Hermeneutik Fazlur Rahman*. Kertas kerja ini dibentangkan di Balai Islam. Kota Baharu. Kelantan Darul Naim. Pada 3 Jun 2006.

<sup>35</sup> Beliau dilahirkan Pada 21 November 1768 di Breslau wilayah Silesia Jerman. Beliau adalah ahli dalam bidang teologi yang berfahaman Protestan. Schleiermacher telah membuka luas perbincangan hermeneutik yang bersifat khusus kepada perbincangan falsafah yang lebih luas mencakupi isu-isu tentang bahasa dan kefahaman. Aref Ali Nayed, (1994), *Interpretation as the Engagement of Operational Artifacts: Operational Hermeneutics*, Ph.D. Thesis, University of Guelph, h. 25-26, Lihat juga pada laman web: [http://id.wikipedia.org/wiki/Friedrich\\_Daniel\\_Ernst\\_Schleiermacher](http://id.wikipedia.org/wiki/Friedrich_Daniel_Ernst_Schleiermacher). pada 12 Ogos 2007.

<sup>36</sup> Beliau lahir pada 19 November 1833 kemudian meninggal pada 1 Oktober 1911. Beliau adalah seorang ahli sejarah, psikologi, sosiologi, tokoh hermeneutik dan filsuf Jerman. Beliau menganggap hermeneutik bukan hanya sebagai sains tentang interpretasi rekod bertulis tentang kewujudan manusia tetapi cuba meluaskan skopnya merangkumi kaedah pencarian ilmu tentang semua aspek minda manusia (*geistige*). H.P. Rickman, edit dan terj., (1976) *Dilthey: Selected Writings*, Cambridge: Cambridge University Press, h. 228, lihat laman web: [http://id.wikipedia.org/wiki/Wilhelm\\_Dilthey](http://id.wikipedia.org/wiki/Wilhelm_Dilthey). pada 12 Ogos 2007.

<sup>37</sup> Beliau lahir di Camerino Itali. Pada 20 Ogos 1890. Beliau adalah seorang ahli hukum Itali, sarjana Hukum, filsuf dan teologi. Pandangan Hermeneutik Betti disifatkan sebagai *Polemical* dan *Reactionary* terhadap aliran hermeneutik subjektif atau relatif, terutamanya terhadap hermeneutik Gadamer. G.B Madison, (1994), "Hermeneutics: Gadamer and Ricoeur", *Continental Philosophy in the 20th Century*, ed. Richard Kearney (Routledge: Routledge History of Philosophy series, vol.8, h. 293, lihat laman web: [http://en.wikipedia.org/wiki/Emilio\\_Betti](http://en.wikipedia.org/wiki/Emilio_Betti). Pada 13 Ogos 2007.

adalah Martin Heidegger (1889-1976)<sup>38</sup> dan Hans Georg Gadamer (1900-2002)<sup>39</sup>. Manakala kelompok pembebasan dikembangkan oleh para sarjana Muslim. Di antara mereka ialah: Hasan Hanafi (1935) Farid Esack (1959) dan Naṣr Ḥamid Abū Zayd (1943)<sup>40</sup>.

Hermeneutik menurut aliran objektif dapat menghasilkan kefahaman yang objektif. Seperti pendapat Schleiermacher (1768 - 1834) berkenaan dengan aliran ini, hermeneutik dalam aplikasinya mencakupi dua langkah utama, iaitu memahami teks melalui pendekatan tatabahasa dan pendekatan psikologi<sup>41</sup>.

Manakala menurut Wilhelm Dilthey (1833-1911) dalam memahami hermeneutik perspektif aliran objektif, ia tertakluk kepada sejarah yang melibatkan tiga proses utama iaitu<sup>42</sup>:

---

<sup>38</sup> Martin Heidegger dilahirkan di Messkirch, Jerman. Pada 26 September 1889 dan meninggal pada 26 Mei 1976. Beliau adalah seorang filsuf asal Jerman. Beliau belajar di Universiti Freiburg di bawah bimbingan Edmund Husserl. Beliau adalah pengasas teori fenomenologi. Beliau dianugerahkan gelaran profesor pada tahun 1928. Heidegger telah melakukan suatu anjakan dalam perbahasan dan pendekatan hermeneutik melalui analisis beliau tentang persoalan kewujudan atau ontologi. Martin Heidegger (1962), *Being and Time*, terj. John Macquarrie dan Edward Robinson London: SCM Press. h.h. 7 dan 31-34. lihat juga Alparsalan Acikgenc, (1993), *Being and Existence in Sadra and Heidegger: A Comparative Ontology*. Kuala Lumpur: ISTAC. h.h. 139-154, Lihat laman web: [http://id.wikipedia.org/wiki/Martin\\_Heidegger](http://id.wikipedia.org/wiki/Martin_Heidegger). 9 Januari 2008.

<sup>39</sup> Hans Georg Gadamer dilahirkan di Marburg, Jerman. Pada 11 Feburari 1900 dan wafat pada 13 Mac 2002 di Heidelberg, Jerman. Pandangan beliau mengenai hermeneutik lebih menumpukan pada persoalan falsafah tentang bagaimana kefahaman itu mungkin daripada menumpukan kepada persoalan kaedah seperti mana Schleiermacher dan Betti. Lihat Hans-Georg Gadamer, (1982), *Truth and Method*, terj. Garrett Barden dan John Cumming New York: Crossroad Publishing Company. Judul asal buku ini adalah *Wahrheit und Methode*, Tubingen: J. C. B. Mohr Paul Siebeck 1960. Lihat juga: Joel C. Weinsheimer, (1985), *Gadamer's Hermeneutics: A Reading of Truth and Method* New Haven and London: Yale University Press, h. 63, dan laman web: [http://id.wikipedia.org/wiki/Hans-Georg\\_Gadamer](http://id.wikipedia.org/wiki/Hans-Georg_Gadamer), 10 Disember 2007.

<sup>40</sup> A. Khudori Soleh (2004), Hermeneutik Dan Metode Tafsir. *Jurnal PSIKOISLAMIKA*, Fakulti Psikologi Universiti Islam Negeri (UIN). Malang, Vol. I. No. 1/ Januari 2004. h.h. 24 - 36

<sup>41</sup> Josef Bleicher (1980), *Contemporary Hermeneutics*. London, Routledge & Kegan Paul, h. 29, Lihat juga: Naṣr Ḥamid Abū Zayd (tt), *Isykāliyât al-Ta`wîl wa Aliyât al-Qirâ`ah*, Kairo, al-Markaz al-Thaqâfi, h. 11; dan E. Sumaryono (1999), *op.cit.*, h. 31

<sup>42</sup> Wilhelm Dilthey, (1959), *The Understanding of Other Persons and Their Life-Expressions, Theories of History*, ed. Patrick Gardiner New York: The Free Press, H.P. Rickman, (ed), *Dilthey. Selected Writings* Cambridge: Cambridge University Press, h.h. 228, 976.

- a) Memahami pemikiran atau gagasan pelaku asal yang melahirkan teks.
- b) Memahami makna aktiviti yang secara langsung berhubung dengan peristiwa-peristiwa sejarah berkaitan dengan teks.
- c) Menilai peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan teks tersebut, berdasarkan gagasan yang berlaku pada saat pentafsir itu hidup.

Hermeneutik menurut Betti melibatkan proses iaitu kumpulan yang melibatkan tiga kelompok: Pengarang, pentafsir dan perantara. Beliau merangka empat konsep atau prinsip am dalam usaha untuk memahami teks secara objektif, iaitu<sup>43</sup>:

- a. Teks sebagai objek yang mempunyai kebebasan dan autoriti.
- b. Teks perlu difahami dalam bentuk kesatuan yang utuh dan menyeluruh.
- c. Pentafsir harus memahami proses atau pengalaman minda yang kreatif terhadap teks.
- d. Pentafsir harus menyamakan pengalaman hidupnya secara harmoni dengan pengalaman yang dilalui oleh pengarang teks.

Oleh itu, penulis memahami bahawa aliran objektif dalam metode tafsir dapat di samakan dengan metode *bi al-Ma'thūr* dalam memahami teks, kerana dalam memahami teks tidak terlepas dari sejarah lahirnya teks, tata bahasa dan konteksnya.

Manakala hermeneutik menurut aliran subjektif sebagaimana pendapat Gadamer (1900-2002) pula menumpukan perhatian kepada perbahasan mengenai prasyarat

---

<sup>43</sup> Dr. Ahmad Bazli Shafie (2006), *op.cit.*, h.h. 6 – 13, Lihat juga: Emilio Betti (1990), *The Hermeneutic Tradition*. New York Press. h.h. 164 -187.

(*Conditions*) yang memungkinkan tercapainya kefahaman. Prasyarat ini telah menafikan kepentingan kaedah dan kefahaman yang objektif<sup>44</sup>.

Dalam hal ini, untuk mencapai kepada pemahaman yang objektif, Gadamer (1900-2002) menyatakan bahawa ia harus menggunakan kaedah yang diambil dalam memahami fenomena sosial atau alam, tertakluk kepada sejarah (*Effective History*). Dengan kata lain, seseorang yang cuba memahami sesuatu objek, ianya telah terlebih dahulu dipengaruhi oleh andaian-andaian terdahulu mengenai objek yang menjadi kajiannya dan juga dalam menentukan kaedah yang perlu diambil. Oleh itu, telah wujud agakan atau prasangka dalam setiap kefahaman. Kefahaman tersebut pula merupakan gabungan atau pertemuan di antara dua pandangan, iaitu pandangan-pandangan terdahulu dan kini atau di antara pembaca dan penulis. Kefahaman menurut Gadamer (1900-2002) ini adalah bersifat subjektif<sup>45</sup>.

Oleh itu, penulis memahami bahawa aliran subjektif dalam metode tafsir dapat di samakan dengan metode *bi al-Ra'yi* dalam memahami teks, kerana dalam memahami teks diselaraskan dengan konteks kekinian yang selaras dengan pendapat yang bersifat relatif.

Sedangkan hermeneutik menurut aliran pembebasan, sebagaimana pendapat Hasan Hanafi (1935) tidak hanya bererti ilmu interpretasi atau metode pemahaman sahaja, akan tetapi juga mencakupi proses wahyu dari huruf sampai kenyataan dan transformasi wahyu dari kalam Tuhan kepada kehidupan manusia<sup>46</sup>.

---

<sup>44</sup> Georgia Warnke (1983), *Gadamer. Hermeneutics, Tradition and Reason*, Cambridge: Polity Press, h. 3.

<sup>45</sup> Gadamer (1982), *Truth and Method*, *op.cit.*, h.h. 264 - 278 dan 358; Weinsheimer (1985), *Gadamer's Hermeneutics: A Reading of Truth and Method*, *op.cit.*, h. 63.

<sup>46</sup> Hassan Hanafi (2003), *Liberalisasi, Revolusi, Hermeneutik*. (terj). Jajat Firdaus, Yogya: Prism. h. 109.

Dalam hal ini, Hasan Hanafi (1935) memberikan pandangan mengenai hermeneutik dalam tiga ruang lingkup analisis, yaitu: kritik sejarah, estetika dan praktis. Menurut beliau kritik sejarah berfungsi menjamin keaslian teks dalam sejarah. Kritik estetik menggambarkan kerja teori pentafsiran dan kritik praktis adalah pengaplikasian hasil interpretasi tersebut dalam bentuk formulasi pemikiran terhadap pembuatan hukum, penyusunan sistem dan sebagainya<sup>47</sup>.

Oleh itu, penulis memahami bahawa aliran pembebasan adalah aliran yang mencuba memadukan antara aliran objektif dan subjektif dalam ilmu tafsir di kategorikan dengan aliran yang memadukan antara metode *bi al-Ma'thur*, dengan *bi al-Ra'y*. Pembahasan seterusnya pula ialah untuk mengetahui perkembangan hermeneutik.

Penulis akan menjelaskan mengenai sejarah hermeneutik dari perspektif sarjana barat dan Muslim.

### **2.3. Sejarah Hermeneutik**

Hermeneutik sebenarnya merupakan topik lama, namun kini muncul kembali sebagai sesuatu yang baru dan menarik untuk dibincangkan apatah lagi dengan berkembangnya ilmu-ilmu sastera, sejarah, filsafat dan pentafsiran teks. Hermeneutik seakan telah hadir kembali dari masa lalu dan kini memiliki peranan yang penting dalam kajian-kajian tersebut<sup>48</sup>.

---

<sup>47</sup> Hassan Hanafi (1990) *Hiwar al-Masyriq wa al-Maghrib*. Kaherah: Dār Alam Thaḡāfah al-Arabī h. 48, Juga dalam kitab: (1992), *Al-Turāth wa al-Tajdīd, Mawqifunā min al-Turāth al-Qadīm*, Beirut: *al-Muassasah al-Jāmi'ah li al-Dirāsāt wa al-Nasyr wa al-Tauzi'*. h. 36.

<sup>48</sup> E. Sumaryono (2002), *Hermeneutik Sebuah Metode Filsafat*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius, h. 23.

Untuk memahami substantif hermeneutik, seseorang tidak dapat lari dari perspektif sejarah, falsafah dan teologi kerana ia telah dikembangkan dalam kedua-dua disiplin tersebut. Seterusnya, perkembangan pemikiran terhadap hermeneutik secara lambat laun akan merebak ke pelbagai wilayah disiplin ilmu lainnya, termasuk juga pada disiplin sastera, tafsir al-Quran dan *Uṣūl al-Fiqh*.

Untuk mengetahui lebih jauh sejarah hermeneutik, pembahasan berikutnya akan menyentuh sejarah hermeneutik menerusi perspektif sarjana Barat dan perspektif sarjana Muslim yang dilihat akan memberikan wacana baru dalam teori pentafsiran al-Quran.

### 2.3.1. Perspektif Sarjana Barat

Sejarah hermeneutik menurut perspektif sarjana barat bermula dari zaman Yunani kuno, iaitu dari ahli falsafah ternama Aristotle (384 – 322 SM)<sup>49</sup>. Beliau telah memaparkan masalah ini dalam bukunya yang bertajuk *Peri Hermeneias*<sup>50</sup> dengan terjemahan bahasa Latin *De Interpretatione* dan dalam bahasa Inggeris diterjemahkan dengan *On The Interpretation*. Karya tersebut telah dialih bahasakan ke dalam bahasa Arab oleh al-Fārabi<sup>51</sup> dengan terjemah *Fi al-'Ibārah*<sup>52</sup>.

---

<sup>49</sup> Aristotle adalah seorang filsuf Yunani yang ternama dilahirkan pada tahun 384 SM. di Stagira, atau lebih tepatnya di bandar yang terletak pada wilayah Chalcidice yang dahulu di kenal dengan Makadonia Yunani. Beliau adalah anak murid daripada Plato dan guru dari Alexander. Beliau banyak menulis pelbagai subjek yang berbeza di antaranya adalah berkaitan dengan bidang fizik, metafizik, puisi, logik, retorik, politik, pemerintahan, etnik, biologi dan sosiologi. Bersama dengan Socrates dan Plato, beliau dianggap menjadi tokoh di antara tiga tokoh filsuf yang paling berpengaruh dalam pemikiran Barat. Lihat laman web: <http://id.wikipedia.org/wiki/Aristoteles>. Pada 12 Disember 2009.

<sup>50</sup> E. Sumaryono (2002), *op.cit.*, h.h. 24 – 26, Murad Wahbah (1998), *al-Mu'jam al-Falsafī*, Kaherah: Dār Qubā', h. 716.

<sup>51</sup> Nama lengkap beliau adalah Abū al-Naṣr Muḥammad bin Muḥammad bin Ṭukhān al-Fārabi. (M 339 H. / 950 M.) di antara karangannya: *Arā' ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*. Lihat : Syams al-Diin Aḥmad bin Aby Bakr bin Khlikān (1968), *Wafayāt al-'A'yān wa Anbā' al-Zamān*, j 2. Dār al-Thaqāfah, h. 86. dan Dr. Syaūqī Abū Khalīl (1996), *al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah*, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 601.

<sup>52</sup> F.W Zimmerman (1981), *al-Farabi's Commentary and Short Treatis on Arristotle's De Interpretatione*, London: The Oxfrud Universiry Press, h.1, Lihat juga: Ugi Suharto (2003), *Jurnal Usuluddin* Universiti Malaya, *op.cit.*, h. 123.

Ketika Aristotle membicarakan mengenai *Peri Hermeneias*, beliau hanya membahaskan mengenai peranan ungkapan dalam memahami pemikiran, ia merupakan lanjutan dari karya beliau yang bertajuk *Kategorial*, yang berkaitan dengan pembahasan istilah-istilah dalam bahasa<sup>53</sup>.

Perkembangan berikutnya, hermeneutik dipergunakan sebagai metode untuk mentafsirkan naskah-naskah sejarah kuno dan kitab suci. Di antara disiplin ilmu yang paling banyak menggunakan hermeneutik adalah ilmu tafsir kitab suci, seperti kitab Zabur, Taurat dan Injil.

Sejarah interpretasi teks mengalami perkembangan yang pesat melalui tradisi pemikiran teologi, atau secara tepatnya pada tradisi pemikiran teologi Yahudi dan Kristian iaitu sekitar abad 4 dan 5 M<sup>54</sup>. Dalam tradisi agama Yahudi, tafsir terhadap teks-teks Taurat dilakukan oleh para Nabi dan ahli kitab. Dalam tradisi Kristian juga menerapkan hermeneutik pada teks-teks dari Perjanjian Lama (*Ahd al-Qadīm*)<sup>55</sup>. Orang-orang Kristian klasik mentafsirkan teks-teks itu dengan wawasan baru yang tidak dimiliki oleh orang-orang yang beragama Yahudi, iaitu iman kepada Almasih (Nabi Isā a.s.) yang wafat dan bangkit kembali. Oleh kerana itu, teks-teks perjanjian lama itu difahami secara Kristian. Hasil tafsir tersebut dimuatkan di dalam perjanjian baru (*Ahd al-Jadīd*)<sup>56</sup>.

---

<sup>53</sup> Ugi Suharto (2003), *Op.cit.*, h. 24.

<sup>54</sup> F. Budi Hardiman (2003), *Melampau Positivisme dan Modernitas (Diskursus Filosofis tentang Metode Ilmiah dan Problem Modernitas)*, Yogyakarta: Kanisius, h. 42.

<sup>55</sup> Perjanjian Lama adalah bahagian utama pertama dalam Taurat, biasanya dibahagikan kepada kategori-kategori hukum, sejarah, puisi dan nubuat. Semua buku-buku atau kitab-kitab tersebut ditulis sebelum kelahiran nabi Isa a.s. Perjanjian Lama terkadang disebut kitab Ibrani, kerana 97% isinya ditulis dalam bahasa Ibrani. Lihat: Ahmad 'Ali Abd al-Sami' Husain (2004), *al-Islām wa al-Yahūd Dirāsah Muqāranah min Khilāl Sifr al-Lawiyin*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, h. 23, lihat laman web Wikipedia Bahasa Melayu: [http://ms.wikipedia.org/wiki/Perjanjian\\_Lama](http://ms.wikipedia.org/wiki/Perjanjian_Lama). Pada 27 November 2008

<sup>56</sup> Kitab Perjanjian Baru adalah nama bahagian dari *al-Kitāb* Kristian yang ditulis setelah kelahiran nabi Isā a.s. dan dalam bahasa Yunani. Kata Perjanjian Baru merupakan terjemahan dari bahasa Latin *Novum Testamentum*, yang merupakan terjemahan Yunani *Keni Diathiki*. Umat Kristian awal berpendapat bahawa kitab ini merupakan penjelasan isi nubuat yang terdapat dalam Taurat yang sudah sedia ada lalu diberi nama perjanjian lama. Perjanjian baru terkadang disebut sebagai Kitab Yunani Kristian kerana ditulis

Manakala sejarah hermeneutik menurut perspektif kajian yang bersumber dari pemikiran para penulis barat<sup>57</sup>, hampir semuanya tidak menguraikan sejarah perkembangan hermeneutik yang terjadi pada abad pertengahan, iaitu sekitar abad 7 sampai 17 M. Ia seolah-olah pada era ini, kajian-kajian mengenai hermeneutik mengalami kejumudan<sup>58</sup>.

Seterusnya pada abad ke-17 dan 18 hermeneutik berkembang secara luas dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan banyak sarjana barat yang memberikan idea berkaitan dengan teori hermeneutik<sup>59</sup> seperti yang di sebutkan dalam tajuk ruang lingkup hermeneutik<sup>60</sup>. Di antara mereka adalah Friedrich Schleiermacher (1768-1834)<sup>61</sup>. Beliau memberikan pandangan hermeneutik mengenai *Divinatorisches Verstehen* (pemahaman intuitif) iaitu sebuah tafsir memerlukan intuisi atau kefahaman mengenai teks yang sedang dipelajari, dengan membuat tafsiran psikologi terhadap teks tersebut, sehingga dapat menghasilkan tafsiran yang mendekati maksud pengarang teks<sup>62</sup>.

Kemudiannya Wilhelm Dilthey (1833-1911). Beliau mengasaskan konsep *Historical Understanding*<sup>63</sup> iaitu peristiwa-peristiwa yang termuat dalam teks-teks kuno harus difahami sebagai suatu ekspresi kehidupan sejarah, maka oleh itu apa yang

---

dalam bahasa Yunani oleh para pengikut Yesus (nabi Isā a.s.) yang kemudiannya dikenal sebagai Kristian. Lihat: Muḥammad 'Izat al-Taḥṭāwī (1995), *al-Naṣrāniyyah fī al-Mizān Dirāsah Naqdiyyah Mauthiq li Aqā'id wa Afkār al-Lati Isytamalat Alayhā al-Naṣraniy*, Damsyiq: Dār al-Qalam, h.h. 367 – 369, lihat juga: F. Budi Hardiman (2003), *op.cit.*, h. 42 – 43, lihat laman web Wikipedia Bahasa Melayu: [http://ms.wikipedia.org/wiki/Perjanjian\\_Lama](http://ms.wikipedia.org/wiki/Perjanjian_Lama). Pada 27 November 2008

<sup>57</sup> Para penulis barat di maksud, seperti: Heidegger, Palmer, Dilthey, Gadamer, Habermas, Howard, Ricoeur, Braaten, Bauman, dan masih banyak yang lainnya.

<sup>58</sup> Jazim Hamdi (2005), *Op.cit.*, h. 21 – 22

<sup>59</sup> K. Berten (1983), *Filsafat Barat Abad XX Inggeris dan Jerman*, J. 1. Jakarta: P.T. Gramadia, h.h. 226 – 233.

<sup>60</sup> Lihat dalam bab dua dalam disertasi ini, h.h. 28 - 32

<sup>61</sup> Friedrich Schleiermacher adalah seorang ahli dalam bidang teologi yang berfahaman Protestan. Schleiermacher telah membuka luas perbincangan hermeneutik yang bersifat khusus (regional) kepada perbincangan falsafah yang lebih luas mencakupi isu-isu tentang bahasa dan kefahaman. Aref Ali Nayed, (1994), *Interpretation as the Engagement of Operational Artifacts: Operational Hermeneutics*, Ph.D. Thesis, University of Guelph, h. 25-26.

<sup>62</sup> E. Sumaryono (2002), *op.cit.*, h.h. 38 dan 41 – 44.

<sup>63</sup> K. Bertens (1983), *op.cit.*, h. 228.

ditimbulkan bukanlah keadaan psikologi yang selaras dengan fikiran pengarang.

Seterusnya, Rudolf Karl Bultmann (1884 - 1976)<sup>64</sup>. Beliau mengagah konsep *Demitologisasi*<sup>65</sup> iaitu proses pentafsiran secara eksistensi, menurut pengertian manusia terhadap keberadaannya sendiri dan dengan istilah-istilah yang dapat difahami oleh orang moden. Oleh itu, tujuan utama *Demitologisasi* adalah untuk mencari dan mentafsirkan mitos-mitos yang ada dalam teks dan sejarah<sup>66</sup>.

Menerusi pemikiran hermeneutik Bultmann iaitu penerapan gagasan Martin Heidegger (1889–1976) menerapkan gagasan pra faham pada teologi ini bermaksud untuk memahami sebuah teks perlu memiliki pra faham mengenai teks tersebut<sup>67</sup>, iaitu pada masa teks itu mulai bicara dan hadir. Pra faham bukannya membatasi kemungkinan untuk memahami teks, malah membuat pentafsiran menjadi produktif<sup>68</sup>.

Di abad 20, kajian hermeneutik di dunia barat mengalami lompatan yang cukup besar, karena perdebatannya lebih mengarah pada persoalan ontologi<sup>69</sup> dan epistemologi. Lompatan hermeneutik kontemporari tersebut dipelopori oleh para filsuf besar seperti; Martin Heidegger (1889–1976), Paul Ricoeur (1913 - 2005) dan Hans George Gadamer (1900-2002). Menurut Ricoeur, pada dasarnya semua filsafat adalah sebuah hermeneutik

---

<sup>64</sup> Rudolf Karl Bultmann, (20 Ogos 1884 - 30 Juli 1976). Beliau adalah seorang teologi Jerman dengan latar belakang Lutheran, yang selama tiga dasawarsa menjadi profesor dalam studi Perjanjian Baru di Universiti Marburg. Di antara karyanya, *History of the Synoptic Tradition* (Sejarah Tradisi Sinoptik) (1921) *Kerygma and Mythos* (Berita Injil dan Mitos) terbit dalam terjemahan bahasa Inggeris pada 1948. Lihat laman web: [http://id.wikipedia.org/wiki/Rudolf\\_Bultmann](http://id.wikipedia.org/wiki/Rudolf_Bultmann). 8 Januari 2008.

<sup>65</sup> Istilah *Demitologisasi* dipopularkan oleh Rudolf Bultmann tahun 1941 dan dilanjutkan penggunaannya oleh John Robinson dari Inggeris dalam bukunya "*Honest to God*" (1963). Definisi: *Demitologisasi* adalah pentafsiran secara eksistensi menurut pengertian manusia terhadap keberadaannya dan dengan istilah-istilah yang dapat difahami oleh orang moden. Jadi, tujuan utama *demitologisasi* adalah untuk mencari dan mentafsirkan mitos-mitos yang ada dalam *al-Kitāb* secara logik dan moden. Lihat laman web: [http://id.wikipedia.org/wiki/Rudolf\\_Bultmann](http://id.wikipedia.org/wiki/Rudolf_Bultmann), 8 Januari 2008.

<sup>66</sup> Jazim Hamdi (2005), *Hermeneutika Hukum, op.cit.*, h. 32.

<sup>67</sup> F. Budi Hardiman (2003), *op.cit.*, h. 43.

<sup>68</sup> Ahmad Norma Permata (2003), *Hermeneutika Fenomenologis*, Yogyakarta: IRCiSoD, h.h. 220 – 223.

<sup>69</sup> Ontologi adalah cabang ilmu falsafah atau metafizik yang berkaitan dengan fitrah makhluk. Lihat Kamus Dewan. *Op.cit.*, h. 521

yang membaca makna tersembunyi di dalam sebuah teks yang nampaknya sudah jelas. Jadi keseluruhan filsafat itu hakikatnya adalah interpretasi terhadap interpretasi.<sup>70</sup>

### 2.3.2. Perspektif Sarjana Muslim

Istilah Hermeneutik dalam khazanah Islam memang tidak di temukan, namun al-Fārabi (w.339 H.) pernah membahaskan mengenai istilah hermeneutik menerusi dari karya Aristotle yang bertajuk *Peri Hermeneias*, begitu juga Abū Ma'syar (272 H.)<sup>71</sup> dalam kitab beliau yang bertajuk *al-Ulfi Buyūt al-Ibādah* ada menyebutkan istilah yang mirip dengan hermeneutik iaitu *Hirmis, Harmes*, yang diertikan dengan *al-Muthalath bi al-Hikmah* (tiga rangkai aliran pemikiran), yang di jumpai dalam filsafat Yunani<sup>72</sup>.

Secara substantif istilah hermeneutik mula dikaji dalam ilmu keislaman secara mendalam oleh sarjana Muslim pada abad 19 M. Di antara mereka ialah: Ḥassan Ḥanafī<sup>73</sup>, Fazlur Rahman<sup>74</sup>, Muḥammad Arkoun<sup>75</sup>, Naṣr Ḥāmid Abū Zayd<sup>76</sup>, Riffat

---

<sup>70</sup> Samuel Jaya Kusuma (2002), *Proses Penemuan Hukum Dalam Perspektif Hermeneutika Yurdis*, Bandung: Universiti Katolik Parahyangan, h.h. 52 – 53.

<sup>71</sup> Nama penuh beliau adalah Ja'far bin Muhammad bin Ummar al-Bulkhi. Beliau di kenal oleh sarjana barat dengan Albomasar Lihat: Khaīr al-Dīn al-Ziriklyī (1979), *al-'lām Qāmus Tarājim li 'Asyur al-Rijāl wa al-Nisā' min al-Arab wa al-Musta'rabīn wa al-Mustasyriqīn*, cet. 4. Beirut: Dār li Malāyyin. J. 2. h. 127

<sup>72</sup> Mamat S. Burhanuddin (2006), *Op.cit.*, h. 76 – 77, lihat juga: M.T.H. Houtsma, A.J. Wensinck, (1987), *Encyclopedia of Islam*, Leiden: E.j. brill Luzac, Vol III, h. 463.

<sup>73</sup> Ḥassan Ḥanafī, beliau adalah sarjana intelektual yang berasal dari Mesir. Beliau dilahirkan pada 13 Februari 1935 di Kairo, di Benteng Salahuddin, daerah perkampungan al-Azhar. Beliau sebagai pensyarah di universiti Arab dan ketua jabatan Filsafat di Universiti Kairo. Di antara karya-karya beliau adalah: *al-Turāth wa al-Tajdid, Mauqifunā Min al-Turath al-Qadīm, Min Aqidah ilā al-Turāth*. Lihat laman web: [http://en.wikipedia.org/wiki/Hassan\\_Hanafi](http://en.wikipedia.org/wiki/Hassan_Hanafi). Pada 11 Ogos 2008

<sup>74</sup> Fazlur Rahman beliau adalah sarjana dan ilmuwan dari Pakistan yang kemudian bermastautin di Amerika. Beliau dilahirkan pada tahun 1919 di Pakistan, beliau pernah menjadi profesor di Universiti Chicago sehingga akhir hayatnya iaitu pada tahun 1998 akibat komplikasi pembedahan jantung. Beliau boleh dianggap sebagai tokoh ilmuwan Muslim paling awal yang cuba menggunakan kaedah hermeneutik untuk memahami al-Quran. Lihat karya-karya beliau, antara lain, (1982), *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Traditioni*. Chicago: The University of Chicago Press, (1980), *Major Themes of The Quran*. Chicago: Bibliotheca Islamica.

<sup>75</sup> Muḥammad Arkoun adalah intelektual Muslim yang berasal dari Algeria kemudian bermastautin di Perancis. Beliau dilahirkan pada 1 Februari 1928 di wilayah Berber di Taurirt Mimoun. Beliau di antara tokoh yang menawarkan hermeneutik untuk teks–teks al-Quran. Lihat karya-karya beliau di antaranya, (1996), *al-Fikr Islāmī: Qirā'ah Ilmiyyah*, Beirut: Markaz al-Inmā' al-Qaumī, (1991), *Min Ijtihād ilā Naqd al-'Aql al-Arabī*, London; Dār al-Sāqī dan Abdul Kabir Hussain Solihu (2004), *Hermeneutika al-Quran Menurut Muhammad Arkun Sebuah Kritik*, Majalah Islamia, h. 20 – 21.

Hassan<sup>77</sup>, Aminah Wadud<sup>78</sup>, Farid Esack<sup>79</sup> dan yang lain<sup>80</sup>. Mereka di kenal sebagai tokoh yang mempelopori teori hermeneutik untuk menjadi salah satu teori pentafsiran teks al-Quran dengan berhujah bahawa tafsir klasik perlu dikaji semula untuk diselaraskan dengan wacana dunia sekarang<sup>81</sup>.

Di antara bukti kajian hermeneutik oleh sarjana Muslim adalah karya Ḥassan Ḥanafī yang bertajuk: *Les Methodes d'Exeges Essai Sur La Science des Fordements de la Comprehesion, Ilm Usul al-Fiqh* buku ini di tulis pada tahun 1965 dalam karya ini mengulas terhadap hermeneutik sebagai metode pentafsiran, begitu juga dalam buku beliau yang bertajuk: *Islam in the Modern World, Religion, Ideologi, and Development*, vol: I, terutama pada sub bab bertajuk: *Method of the mistic Interpretation*, dan pada vol: II pada sub bab: *Hermeneutics Libration and Revolution*<sup>82</sup>.

---

<sup>76</sup>Naṣr Ḥamid Abū Zayd adalah sarjana Muslim dari Mesir. Beliau di lahirkan di Qaḥāfah tepatnya di Bandar Ṭaḥṭā Mesir pada 10 Julai 1943. Beliau termasuk di antara sarjana Muslim yang menawarkan teori hermeneutik, hal tersebut dapat dilihat pada tesis PhD beliau yang di hasilkan pada tahun 1981 dengan tajuk kajian *Falsafah al-Ta'wīl: Dirāsah Fī al-Ta'wīl al-Qur'ān Inda Muḥy al-Dīn Ibnu Arabī*. Lihat: Moch. Nur Ichwan (2003), *Meretas kesarjanaaan Kritis al-Quran Teori Hermeneutika Naṣr Abū Zayd*, Bandung: Teraju, h.h. 15 – 20.

<sup>77</sup>Riffat Hassan adalah sarjana feminis Muslimah yang berasal dari Pakistan, dilahirkan di Lahore pada 1943. Beliau masih hidup pada tahun 1976 memperoleh gelar Profesor dan sebagai ketua jabatan Religious Studies di Universiti Louesville Kentucky, kemudian pada tahun 1988 beliau menjadi pensyarah pelawat di Universiti Harvard di antara karya-karya beliau adalah: *Equal Before Allah Women-Man Equality in Islamic Tradition*. Lihat Abdul Mustaqim (2002), *Metodologi Tafsir Perespektif Gender: Studi Kritis Pemikiran Riffat Hassan*, dalam Studi al-Quran Kontemporer, Yogyakarta: Tiara Wacana, h.h. 68 – 70.

<sup>78</sup>Aminah Wadud adalah tokoh feminis dan cendekiawan yang penuh kontroversi. Amina Wadud dilahirkan pada 25 September 1952 di Bethesda Maryland. Bapanya merupakan seorang paderi Methodist dan ibunya pula berketurunan hamba dari Arab, Berber dan Afrika pada kurun ke-lapan Masihi. Beliau mengucap syahadah pada tahun 1972 sebelum mengetahui asal-usul keluarga sebelah ibu beliau. Pada tahun 1988, beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam Bahasa Arab dan Pengajian Islam dari Universiti Michigan (Michigan University). Beliau kini berkhidmat sebagai Profesor Madya Pengajian Islam di Universiti Commonwealth Virginia di Richmond, Virginia, Amerika Syarikat. Sebelum itu beliau menyandang jawatan Profesor Madya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, untuk tempoh yang lama semenjak 1989. di antara karya beliau adalah *Qur'an and Woman: Rereading the Sacred Text from a Woman's Perspective* (Quran dan Wanita: Pentafsiran Kembali Ayat-Ayat Suci dari Kaca Mata Wanita). Edisi pertama buku tersebut diterbitkan oleh Sisters in Islam di Malaysia. lihat laman web: [http://ms.wikipedia.org/wiki/Amina\\_Wadud](http://ms.wikipedia.org/wiki/Amina_Wadud). Pada 11 Disember 2008.

<sup>79</sup>Farid Esack adalah sarjana Muslim dari Afrika Selatan, beliau dilahirkan di Wynberg pada 1959. beliau mendapat Ph.D. dari Universiti Birmingham, Inggeris, dengan kajian di Injil hermeneutics di Sankt Georgen Graduate School of Filsafat dan Teologi, Frankfurt am, Jerman. Lihat: Farid Esack (2006), *Qur'an Liberation & Pluralism*, England: Oneworld Publications, h. 2

<sup>80</sup>Adian Husaini dan Abdurrahman al-Baghdadi (2007), *op.cit.*, h. 7

<sup>81</sup>Muzairi (2003), *op.cit.*, h.h. 60 – 63, lihat juga: Haidar Bagir (2003), *Hermeneutik dan Teks Agama, Jurnal Tarjih*, edisi ke-enam, Julai 2003, Yogyakarta: Majlis Tarjih dan pengembangan pemikiran Islam LPPi UMY, h. 38.

<sup>82</sup>Muzairi (2003), *Op.cit.*, h. 60

Begitu juga Naṣr Ḥāmid Abū Zayd, beliau mula mengenalkan hermeneutik dalam buku beliau yang bertajuk: *al-Hermeneutiq wa Mu'adilat Tafsīr al-Naṣṣ* (Hermeneutik dan problem pentafsiran teks) buku ini diterbitkan pada tahun 1981.<sup>83</sup>

Memang istilah hermeneutik dalam sejarah keilmuan Islam khususnya tafsir al-Quran klasik tidak ditemukan. Istilah tersebut menjadi popular ketika Islam berada dalam kemunduran. Meskipun demikian, menurut Farid Esack dalam buku beliau *Qur'an: Liberation and Pluralism*, praktik hermeneutik sebenarnya telah dilakukan oleh umat Islam sejak sekian lama, khususnya ketika memahami al-Quran. Bukti dari hal tersebut adalah<sup>84</sup>:

1. Masalah-masalah hermeneutik sentiasa dikaji dalam ilmu keislaman, meskipun tidak ditampilkan secara definitif. Hal ini terbukti dari kajian-kajian mengenai *Asbāb al-Nuzūl*, *Nāsakh Mansūh* dan lainnya dalam ilmu al-Quran.
2. Wujudnya perbezaan pandangan mengenai pentafsiran al-Quran dengan teori dan metodologi kajian, kemudian disusun dalam disiplin ilmu tafsir.
3. Wujudnya aliran dan kelompok tertentu dalam mentafsirkan al-Quran misalnya tafsir *Syī'ah*, tafsir *Mu'tazilah*, tafsir ayat hukum, tafsir filsafat dan sebagainya. Hal itu menunjukkan adanya horizon sosial tertentu dalam tafsir yang berkembang mengikut ruang dan waktu.

Meskipun demikian, hermeneutik tidak mendapat sambutan yang positif daripada umat Islam tradisional karena hermeneutik membawa beberapa bentuk implikasi yang

---

<sup>83</sup> Adnin Armas (2005), *Metodologi Bibel dalam Studi al-Quran kajian kritis*, Jakarta; Gema Insani, h.h. 77 – 79.

<sup>84</sup> Farid Esack (2006), *op.cit.*, h. 160.

bertentangan dengan pendirian para ilmuwan Muslim konvensional. Di antara bentuk implikasi tersebut adalah<sup>85</sup>:

1. Hermeneutik membawa kesan bahawasanya tanpa keadaan atau latar belakang tertentu (*Asbāb al-Nuzūl*), teks tersebut tidak dapat difahami maknanya. Sementara idea tradisional menyatakan bahawa makna yang sebenarnya itu adalah apa yang dimaksudkan oleh Allah<sup>86</sup>.
2. Teori hermeneutik selalu meragukan kebenaran dari mana pun kehadirannya. Tidak ada tafsir yang mutlak benar. Semuanya relatif malah yang benar menurut seseorang boleh jadi salah menurut orang lain, ini bermaksud kebenaran terkait pada konteks ruang dan waktu<sup>87</sup>.
3. Sarjana Muslim tradisional telah membuat pembezaan antara teks al-Quran dan tafsir. Teks al-Quran dianggap sangat abstrak sehingga makna yang sebenarnya tidak mungkin dapat dicapai<sup>88</sup>.
4. Menurut pandangan sarjana Muslim tradisional, hermeneutik akan memberikan implikasi terhadap perubahan hukum–hakam yang telah mapan. Hal tersebut akan mengakibatkan perpecahan di kalangan umat Islam, seperti yang terjadi terhadap umat Kristian di mana mereka menggunakan teori hermeneutik untuk memahami Injil, mereka terbagi menjadi dua kelompok Protestan dan Katolik.

Dari keterangan di atas dapat di simpulkan bahawa sejarah hermeneutik dalam ilmu Islam tidak ditemukan akan tetapi beberapa pembahasan hermeneutik dalam ilmu keislaman telah sedia ada, meskipun begitu, perkara yang membezakan antara

---

<sup>85</sup> Fakhruddin Faiz (2003), *op.cit.*, h.h. 41 – 43.

<sup>86</sup> Muḥammad bin Bahādir bin Abd Allah al-Zarkasyī (1391), *al-Burhān Fi Ulūm al-Qur'ān*, j. 1. Beirut; Dār al-Ma'rifah, h. 22 – 23.

<sup>87</sup> Adnin Armas (2005), *Metodologi Bibel dalam Studi al-Quran kajian kritis*, Jakarta; Gema Insani, h.h. 77 – 79.

<sup>88</sup> *Ibid.*, h. 73.

hermeneutik dengan konsep tafsir adalah teori hermeneutik selalu mengkritik teks dan meragukan keasliannya, hal ini tidak selari dengan konsep tafsir al-Quran.

#### **2.4.Hermeneutik sebagai satu teori tafsir dan memahami bahasa**

Sebagaimana huraian mengenai teori hermeneutik dari aspek makna, ruang lingkup dan sejarahnya, maka berikut akan dijelaskan mengenai kedudukan hermeneutik sebagai salah satu teori tafsir dan memahami bahasa. Memang kehadiran hermeneutik dalam kajian Islam banyak menimbulkan kontroversi<sup>89</sup>, akan tetapi kewujudannya sebagai metode pemahaman dan pentafsiran adalah hal yang tidak dapat dinafikan, baik yang bersetuju mahupun yang menolaknya, kerana kewujudan hermeneutik sebagai teori untuk mentafsirkan simbol-simbol telah pun wujud sebelum Islam<sup>90</sup>.

Maka dari itu, perkara yang perlu dijelaskan berkaitan dengan hermeneutik dan tafsir adalah kedudukan hermeneutik sebagai satu teori tafsir dan memahami bahasa yang meliputi tiga perkara iaitu: teori pentafsiran kitab suci, teori memahami bahasa dan merumuskan pentafsiran teks.

---

<sup>89</sup> Kontroversi mengenai perbezaan antara hermeneutik dan tafsir dapat dijelaskan dengan hujah bahawa al-Quran diyakini oleh umat Islam sebagai wahyu Allah secara verbatim (*lafzan wa Ma'nan*), sementara Bibel diyakini umat Kristian sebagai wahyu Tuhan dalam bentuk inspirasi, namun bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi daripada pesan Ilahi kepada manusia adalah bahasa manusia yang dapat diteliti baik melalui hermeneutik mahupun ilmu tafsir. Lihat: Sahiron Syamsuddin (2006), *Integrasi Hermeneutika Hans Georg Gadamer ke dalam Ilmu Tafsir? Sebuah Proyek Pengembangan Metode Pembacaan al-Quran pada Masa Kontemporer*. Kertas kerja dipresentasikan pada Annual Conference Kajian Islam yang dilaksanakan oleh Ditpertaís DEPAG RI pada tanggal 26-30 November 2006 di Bandung.

<sup>90</sup>Muzairi (2003), *op.cit.*, h.h. 54 – 63, Paul Ricoeur (2006), *op.cit.*, h. 55.

### 2.4.1. Teori Pentafsiran Kitab Suci

Salah satu peranan hermeneutik sebagai teori tafsir adalah mentafsirkan kitab suci. Hal tersebut dapat dilihat dalam sejarah hermeneutik pada abad pertengahan<sup>91</sup>. Kemudian istilah hermeneutik dalam pengertian teori pentafsiran kitab suci yaitu secara substantif mulai dikaji sekitar abad ke-17 oleh Johann Conrad Dannhauer (1603 – 1666) dalam buku beliau yang bertajuk: *Hermeneutica Sacra Siva Methodus Exponendarum Sacrarum Litterarum*<sup>92</sup>.

Praktik pentafsiran dan pembahasan mengenai teori-teori pentafsiran kitab suci sudah pun wujud sejak lama. Misalnya dalam agama Yahudi, tafsir terhadap teks-teks Taurat telah dilakukan oleh para ahli kitab<sup>93</sup>. Dalam tradisi Kristian, juga pernah terjadi dua macam pentafsiran terhadap kitab suci mereka, yaitu pentafsiran harfiah yang dianuti oleh mazhab Katolik<sup>94</sup> dan pentafsiran simbolik yang banyak digunakan mazhab Protestan<sup>95</sup>. Demikian juga dalam Islam, ilmu tafsir diguna pakai sebagai upaya untuk memahami kandungan al-Quran, sehingga muncul pelbagai macam metode tafsir seperti; metode tafsir *Isyārī* (simbolik), tafsir *Ilmī* (sains)<sup>96</sup>, tafsir *Tahlili* (analisis) tafsir *Bi al-Ma'thūr* (riwayat), tafsir *Bi al-Ra'y* (pemikiran), tafsir global (*Ijmāli*), tafsir komparatif (*Muqāran*) dan tafsir tematik (*Mawḍū'ī*)<sup>97</sup>.

---

<sup>91</sup> F. Budi Hardiman (2003), *op.cit.*, h. 42.

<sup>92</sup> Johann Conrad Dannhauer, beliau adalah sarjana Ortodoks Lutheran dan pakar teologi kristian, beliau di lahirkan di Freiburg Jerman pada 24 Maret 1603 dan meninggal di Salzburg pada 7 November 1666. Lihat: [http://en.wikipedia.org/wiki/Johann\\_Conrad\\_Dannhauer](http://en.wikipedia.org/wiki/Johann_Conrad_Dannhauer). 5 Januari 2008; Fakhrudin Faiz (2003), *op.cit.*, h.23.

<sup>93</sup> Ahli Kitab ialah: Mereka yang membaktikan hidupnya untuk mempelajari dan mentafsirkan hukum-hukum agama yang di bawa oleh para Nabi. Ianya juga merupakan nama dan gelaran yang amat baik dan memuliakan bagi kalangan Yahudi dan Kristian. Lihat: al-Munazamah al-Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm (t.t.), *al-Mu'jam al-Arabi al-Asāsī*, Beirut: Laurūs, h. 117; Farid Esack (2006), *op.cit.*, h. 153.

<sup>94</sup> Katolik iaitu; Mazhab agama Nasrani yang di bawah pimpinan Paus di Rom. Lihat Kamus Dewan (2002), *op.cit.*, h. 587.

<sup>95</sup> Protestan iaitu: penganut agama Kristian pada mulanya dipelopori oleh Martin Luther yang keluar daripada agama Roman Katolik. Lihat Kamus Dewan (2002), *op.cit.*, h. 1059.

<sup>96</sup> Muhammad Husain al-Dhahabi (t.t.), *Ilm al-Tafsīr*, Dār al-Ma'ārif, h.h. 70 – 75.

<sup>97</sup> Khālid Abd al-Raḥman al-'Akk (1986), *Uṣūl al-Tafsīr wa Qawā'iduh*, Jordan: Dār al-Nafā'is, h. 81 – 83.

Maka dari itu, dapat difahami bahawasanya keseluruhan khazanah pentafsiran kitab suci yang sangat beragam, baik dari aspek metodologi mahupun hasilnya, merupakan sebuah pendekatan hermeneutik. Dalam pandangan hermeneutik, keragaman tersebut tidak lain adalah merupakan hasil interaksi antara teks dengan konteks yang mengolahnya, baik konteks pentafsir itu sendiri mahupun konteks ketika pentafsiran dilakukan<sup>98</sup>.

Di antara tokoh atau filsuf yang serius dalam bidang ini ialah: Freidrich Schleiermacher (1768-1834)<sup>99</sup> dengan hermeneutik reumatisme iaitu dalam kelompok objektif dan Hassan Hanafi dengan teologi pembebasan atau hermeneutik pembebasan<sup>100</sup>.

#### **2.4.2. Teori Memahami Bahasa**

Bahasa adalah salah satu alat komunikasi bagi manusia dan ianya sebagai penterjemahan daripada simbol-simbol yang abstrak. Pada dasarnya hermeneutik memiliki kaitan dengan bahasa yang berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan suatu maksud, begitu juga merupakan proses berfikir, berbicara, menulis mahupun berkarya, baik yang diwujudkan dalam bentuk teks mahupun tanda-tanda lainnya<sup>101</sup>.

---

Lihat juga: Nasiruddin Baidan (2000), *Metodologi Penafsiran al-Qur'an*, Yogyakarta: Pustaka pelajar Offset, h. 3 – 8.

<sup>98</sup> Fakhruddin Faiz (2003), *op.cit.*, h. 41.

<sup>99</sup>Freidrich Schleiermacher beliau adalah ahli dalam bidang teologi yang berfaham Protestan. Schleiermacher telah membuka luas perbahasan hermeneutik yang bersifat khusus (regional) kepada perbahasan falsafah yang lebih luas mencakupi isu-isu tentang bahasa dan kefahaman. Aref Ali Nayed, (1994), *Interpretation as the Engagement of Operational Artifacts: Operational Hermeneutics*, Ph.D. Thesis, University of Guelph, h. 25 - 26.

<sup>100</sup>Hassan Hanafi (2003), *Liberation and Revolution*. Jajat Hidayat Firdaus (terj.), Yogyakarta: Prismsophie Pustaka Utama, h.h. 115 dan 123.

<sup>101</sup> Hinder Riyadi (2005), *Tafsir Emansipatoris Arah Baru Studi Tafsir al-Quran*, Bandung: Pustaka setia, h.h. 113 - 123

Oleh yang demikian, apabila teks yang diungkapkan melalui bahasa tersebut dilihat asing bagi pembaca pada generasi berikutnya, maka peranan hermeneutik untuk mentafsirkan terhadap teks atau tanda-tanda tersebut secara benar menjadi penting. Salah satu contoh yang sangat jelas adalah pesan-pesan yang terdapat dalam kitab suci, yang diyakini sebagai perwujudan literal daripada firman Tuhan pada masa lampau, maka ianya sangat memerlukan pentafsiran bila dipelajari atau difahami maknanya pada masa kini, mengikut konteks dan budaya yang berkembang<sup>102</sup>.

Di antara tokoh atau filsuf yang serius dalam bidang ini ialah: Gadamer<sup>103</sup> menerusi karya beliau yang bertajuk *Wahrheit und Methode* (Kebenaran dan Metode). Pada karya tersebut beliau menjadikan bahasa sebagai isu hermeneutik filsafatnya. Kerana itu, bahasa dapat difahami sebagai pertumbuhan teks secara histori, dengan menyejarahkan makna-maknanya dan bentuk-bentuk perubahan logik, pengalaman, hakikat, termasuk pengalaman tradisi dan spirituil<sup>104</sup>.

<sup>102</sup> *Ibid.*

<sup>103</sup> Hans Georg Gadamer (1960), *Wahrheit und Methode: Grundzüge einer philosophischen Hermeneutik* cet. I Tübingen: J. C. B. Mohr, h. 398; Mudjia Rahardjo (2007), *Hermeneutika Gadameria Kuasa Bahasa dalam Wacana Politik Gus Dur*, Malang: UIN Press, h.h. 54 – 57.

<sup>104</sup> Sebagai contoh dalam pemahaman makna dalam bahasa adalah kalimah *al-Qurū'* dalam firman Allah:

وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ

Maksudnya: Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid).

Terjemahan surah al-Baqarah (2); 228

Ada dua makna yang kontradiksi, iaitu makna suci daripada haid dan haid. Lihat; Muhammad bin Ahmad bin Aby Bakr al-Qurtubi (2006), *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*, cet. 1. Beirut: al-Mu'asasah al-Risālah j. 3. h. 113; Muṣṭafā Sa'īd al-Khin (2000), *Athar al-Ikhtilāf fi al-Qawā'id al-Uṣūliyyah Fi Ikhtilāf al-Fuqahā'*, cet. II. Beirut: al-Mu'asasah al-Risālah, h.h. 72 – 84.

### 2.4.3. Merumuskan Pentafsiran Teks

Setelah hermeneutik mengalami berbagai pemaknaan oleh beberapa tokoh, dari mulai pengertian sebagai teori pentafsiran konvensional sampai bahagian dari metode filsafat, kemudian muncullah seorang tokoh yang menghadirkan kembali isu hermeneutik sebagai teori untuk merumuskan pentafsiran dan pemahaman teks (*textual eksegesis*). Beliau adalah Paul Ricoeur (1913 - 2005)<sup>105</sup>.

Menurut Paul Ricoeur, hermeneutik adalah teori mengenai aturan-aturan pentafsiran, iaitu pentafsiran terhadap teks tertentu atau sekumpulan tanda dan simbol yang dianggap sebagai teks<sup>106</sup>. Maka dengan begitu, ada tiga langkah untuk merumuskan pentafsiran teks yang tepat. Langkah pertama adalah simbolik atau pemahaman dari simbol ke simbol. Kedua, pemberian makna daripada simbol serta penggalan yang cermat terhadap makna. Ketiga, langkah filsafat, iaitu berfikir dengan menggunakan simbol sebagai landasan dan konsep<sup>107</sup>.

Rumusan tersebut memberikan inspirasi bahawa bahasa teks sebagai sumber pentafsiran yang tak pernah kering serta memiliki kepelbagaian pembacaan, begitu pula bahasa teks juga memiliki sifat untuk mengelak dalam istilah bahasa Arab dikenal dengan *al-Murāwaghah* (mengelak) dan liar, maka dari itu perlunya konsep metodologi untuk merumuskan pentafsiran. Dengan demikian amat penting untuk membezakan dua tingkatan dalam menentukan sistem penandaan suatu makna (*Dalālah*) terhadap teks iaitu:

---

<sup>105</sup> Paul Ricoeur adalah seorang ahli falsafah dan pengarang buku ternama, beliau lahir di Valence France, pada 27 Februari 1913 M. Meninggal di Chatenay Malabry France, 20 May 2005. Di antar karyanya, *Le Conflit des interpretations: Essais D'hermeneutique*, (*The Conflict of Interpretations: Essays in Hermenutics*) di terbitkan pada tahun 1969. Lihat: Paul Ricoeur (2006), *Hermeneutics and the human sciences*. Hermeneutika Ilmu Sosial Muhamad Syukri (tej.), Yogyakarta: Kreasi Wacana, h.h. 3 – 5.

<sup>106</sup> *Ibid.*

<sup>107</sup> E. Sumaryono (2003), *Hermeneutik Sebuah Metode Filsafat*; yang dikutip lagi Fakhruddin Faiz *Hermeneutik Qur'ani, op. cit.*, h. 36.

**Pertama:** Tingkatan *Dalālah* yang bersifat sistematis dan kolektif, melalui prosedur-prosedur penciptaan makna secara leksikal (perkamusian), gramatis (nahu), filologi, *Fiqh Lughah*, *Balāghah* dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bahasa.

**Kedua:** Tingkatan *Dalālah* yang non sistematis-individual yang memberikan ruang luas untuk proses pembacaan *Qirā'ah* dan takwil terhadap teks<sup>108</sup>.

Maka dapat difahami, bahawa teks memiliki dua bentuk *Dalālah*, iaitu: penandaan lafaz atas maknanya dan penandaan makna yang telah ditunjuk oleh teks atas makna yang lain<sup>109</sup>. Cara kerja tersebut dalam keilmuan Islam dikenali dengan proses takwil, dalam pelaksanaannya untuk menentukan makna yang tepat, diperlukan bukti yang kukuh, iaitu: *Dālīl'* (hujah yang kukuh), supaya tidak terjerumus dalam *La'b Kalimāt* (permainan kata-kata yang terlepas dari dalil)<sup>110</sup>.

Para tokoh yang memberikan sumbangan mengenai perumusan pentafsiran perspektif teori hermeneutik, di antara mereka adalah: Jurgen Habermas<sup>111</sup>, Jacques Derrida<sup>112</sup>, Gadamer, Michel Foucault<sup>113</sup>, Fazlur Rahman, Naṣr Ḥāmid Abū Zayd,

---

<sup>108</sup> Nafisul Atho' dan Arif Fahrudin (2003), *Hermeneutika Transendental; Dari Konfrigrusi Filosofis menuju Praksis Islamic Studies*, Yogyakarta: IRCiS, h.h. 138 – 146.

<sup>109</sup> 'Abd al-Qāhir al-Jurjāni (1995), *Dalā'il al-I'jāz*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Arabi, h. 324

<sup>110</sup> Badr al-Dīn al-Zarkāsyi (1984), *al-Burhān fi 'Ulūm Al-Qur'ān*, Kaherah: Dār al-Turāth, J. 2. h. 156.

<sup>111</sup> Jurgen Habermas (18 Juni, 1929, Düsseldorf) ialah seorang filsuf dan sosiolog yang berada di dalam tradisi *Critical Theory* dan pragmatisme Amerika. Beliau dikenal dengan pengasas konsep ruang publik yang didasarkan pada teori dan praktik '*aksi komunikatif*'. Karya-karyanya, yang seringkali diberi label *Neo-Marxisme*, terfokus pada dasar-dasar pembentukan teori sosial dan epistemologi, analisis kapitalisme di masyarakat industrial dan demokratis, kepastian hukum di dalam konteks evolusi sosiobudaya; dan politik kontemporari, terutama yang terjadi di Jerman. Beliau mengembangkan sistem teori yang diabdikan untuk menunjukkan kemungkinan rasionalisasi, emansipasi dan komunikasi logis-kritis yang terdapat di dalam institusi liberal moden. Lihat laman web: [http://id.wikipedia.org/wiki/J%C3%BCrgen\\_Habermas](http://id.wikipedia.org/wiki/J%C3%BCrgen_Habermas). Pada 22 Februari 2009.

<sup>112</sup> Jacques Derrida dilahirkan pada tanggal 15 Juli 1930 di Algeria. Pada tahun 1949. Beliau berpindah ke Perancis, di mana ia tinggal sampai akhir hayatnya. Ia kuliah dan akhirnya mengajar di *École Normale Supérieure* di Paris. Filsuf ini yang merupakan seorang keturunan Yahudi, pernah mendapat gelar *Doctor honoris causa* di Universiti Cambridge. Pada tanggal 9 Oktober 2004, Beliau meninggal dunia karena penyakit kanser. Lihat laman web: [http://id.wikipedia.org/wiki/Jacques\\_Derrida](http://id.wikipedia.org/wiki/Jacques_Derrida). Pada 22 Februari 2009.

<sup>113</sup> Paul-Michel Foucault (Poitiers, 15 Oktober 1926–Paris, 25 Juni 1984) adalah seorang filsuf asal Perancis. Beliau adalah salah satu pemikir paling berpengaruh pada zaman pasca Perang Dunia II. Foucault. Beliau dikenal sebagai penelaah yang kritis terhadap berbagai institusi sosial, terutama psikiatri, kedokteran, dan sistem penjara. Di antara karya-karya beliau terkait kekuasaan dan hubungan antara kekuasaan dengan pengetahuan telah banyak didiskusikan dan diterapkan, selain pula pemikirannya yang

Hasan Hanafi, Muhammed Arkoun dan masih ada beberapa sarjana lainnya.

## 2.5. Kesimpulan

Daripada huraian di atas dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Hermeneutik adalah istilah yang banyak berkembang di dunia Barat, yang berasal dari bahasa Greek. Ianya dimaknakan dengan proses perubahan dari situasi tidak tahu menjadi mengerti dan faham. Daripada pemaknaan tersebut mengandungi tiga ruang lingkup iaitu: objektif, subjektif dan pembebasan.
2. Berdasarkan kajian sejarah hermeneutik bermula dari zaman Aristotle dan berkembang sampai sekarang. Akan tetapi kajian yang bersumber dari pemikiran barat, hampir semuanya tidak mendedahkan sejarah perkembangan hermeneutik pada abad pertengahan, iaitu sekitar abad 7 sampai 17 M.
3. Kedudukan hermeneutik sebagai salah satu teori tafsir meliputi tiga peranan iaitu pentafsiran kitab suci, teori untuk memahami bahasa dan merumuskan terhadap pentafsiran teks.

Dalam bab selanjutnya, akan mengkaji terhadap Muhammad Syaḥrūr dan karya-karya beliau, khususnya buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*.

---

terkait dengan "diskursus" dalam konteks sejarah filsafat Barat. Lihat laman web: [http://id.wikipedia.org/wiki/Michel\\_Foucault](http://id.wikipedia.org/wiki/Michel_Foucault). pada 22 Februari 2009.